

10 asas hala tuju negara

um - 2/9/2020 wkt: 5

KUALA LUMPUR: Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kerajaan Perikatan Nasional (PN) menetapkan 10 asas penting bagi menentukan hala tuju negara.

Menurut Perdana Menteri, ia merangkumi ekonomi, pendidikan, agenda Melayu, reformasi sektor kesihatan, integriti, keselamatan dan ketenteraman awam, perpaduan serta pendigitalan negara.

Katanya, asas itu ditetapkan kerana kerajaan PN tidak mempunyai manifesto yang biasanya dibentangkan kepada rakyat semasa kempen pilihan raya.

“Dalam tempoh enam bulan ini, kerajaan PN meletakkan beberapa asas penting yang akan menjadi hala tuju bagi tempoh akan datang,” katanya ketika menutup Konvensyen Setengah Tahun Pentadbiran Perikatan Nasional (PN) - Pencapaian, Harapan dan Cabaran anjuran Pertubuhan Intektual Negara (PINTAR) di Kelab Persatuan Alumni Universiti Malaya (UM), di sini, semalam

Dari segi ekonomi katanya, kerajaan sedang memberi tumpuan kepada usaha memulih dan merencanakan semula ekonomi negara pasca Covid-19 menerusi Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Pena-jana).

“Ekonomi negara sedang menunjukkan tanda-tanda pemulihan setelah hampir semua sektor ekonomi dibuka semula. InsyaAllah, sekiranya trend pemulihan ini berterusan, negara kita dijangka mencatat pertumbuhan positif



MUHYIDDIN YASSIN

pada tahun hadapan,” katanya.

Dalam pada itu Perdana Menteri berkata, atas prinsip prihatin kepada rakyat, kerajaan sedia melaksanakan pakej rangsangan tambahan bagi membantu rakyat yang memerlukan.

“Adalah menjadi tanggungjawab saya untuk mengambil berat tentang rakyat tanpa mengira kaum, agama dan warna kulit. Ini keutamaan saya yang paling penting.

“Apa yang telah saya lakukan dalam tempoh enam bulan lepas adalah berasaskan prinsip ini. Saya bukan sahaja perlu menjaga kesejahteraan rakyat tetapi juga mata pencarian rakyat,” katanya.